

22/11/1997

Kawat suarakan sokongan padu

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Kelab Wartawan Terengganu (Kawat), menyuarakan sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam menangani kejatuhan nilai ringgit dan campur tangan luar dalam hal ehwal Malaysia.

Kenyataan Kawat melalui Setiausaha Agungnya Tengku Fauziah Ngah, di sini hari ini menyebut, Malaysia sentiasa mengamalkan sikap menghormati kedaulatan negara lain tanpa mencampuri hal ehwal dalam negara asing dan mahukan sikap yang serupa daripada negara terbabit.

Katanya, tindakan anggota kongres Amerika campur tangan dalam hal ehwal Malaysia adalah melampau dan bercanggah dengan status negara itu yang mendakwa mereka bertamadun.

(END)